



قپات كاواغن نڤري ترغغانو
PENYATA KEWANGAN
NEGERI TERENGGANU

2022





PENYATA KEWANGAN NEGERI TAHUN 2022 NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

KANDUNGAN

BIL	PERIHAL	MUKASURAT
1	SIJIL KETUA AUDIT NEGARA	
2	LAPORAN BENDAHARI NEGERI	i - xvi
3	PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI	1
4	PENYATA KEWANGAN NEGERI	
	Penyata Kedudukan Kewangan	2
	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	3 - 4
	Penyata Prestasi Kewangan	5
	Penyata Akaun Memorandum	6
	Nota Kepada Penyata Kewangan	7
	Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	8 - 22
5	LAMPIRAN KEPADA NOTA	
	LAMPIRAN	
	1 Penyata Perbelanjaan Mengurus	23 - 36
	2 Penyata Perbelanjaan Pembangunan	37 - 53
	3 Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	54 - 57
	4 Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam	58 - 67





**PENYATA
KEWANGAN**

NEGERI TERENGGANU

2022

**SIJIL
KETUA AUDIT NEGARA**



SOROTAN 2022




HASIL

11.67%

2021: RM 1,592.72 JUTA

2022: RM 1,778.53 JUTA



BELANJA MENGURUS

19.00%

2021: RM 1,625.35 JUTA

2022: RM 1,934.28 JUTA



BELANJA PEMBANGUNAN

49.77%

2021: RM 688.70 JUTA

2022: RM 1,031.46 JUTA



AKAUN AMANAH DISATUKAN

66.89%

2021: RM 163.78 JUTA

2022: RM 273.34 JUTA



WANG AWAM

13.81%

2021: RM 334.52 JUTA

2022: RM 288.33 JUTA







PENYATA
KEWANGAN

NEGERI TERENGGANU

2022

LAPORAN
BENDAHARI NEGERI

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

1. PENDAHULUAN

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu dan laporannya telah disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Laporan ini bertujuan menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu dan ringkasan urusan kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2022.

Penyata Kewangan ini melaporkan semua urusan perakaunan dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri bagi tahun 2022 kecuali maklumat Aset dan Liabiliti yang dilaporkan sebagai item di bawah Penyata Akaun Memorandum. Penyata Kewangan ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. PRESTASI BELANJAWAN

Belanjawan 2022 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 17 November 2021 dengan peruntukan sebanyak RM1,657.70 juta bagi Perbelanjaan Mengurus, RM600.00 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan dan RM41.09 juta untuk Perbelanjaan Bekalan Air (RM1.09 juta untuk Belanja Mengurus dan RM40.00 juta untuk Belanja Pembangunan). Berdasarkan kepada anggaran hasil sebanyak RM1,507.00 juta, ini menjadikan belanjawan tahun 2022 adalah belanjawan defisit sebanyak 10% atau RM150.70 juta.

Peruntukan tambahan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada tahun 2022 dan ini menjadikan anggaran peruntukan ini telah dipinda kepada RM2,479.27 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM1,140.00 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan.

**JADUAL 1: RINGKASAN PRESTASI BELANJAWAN BERBANDING
PRESTASI SEBENAR HASIL DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2022**

BUTIRAN	Anggaran Asal (RM Juta)	Anggaran Dipinda (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	%
Hasil	1,507.00	1,507.00	1,778.53	118.02
Perbelanjaan Mengurus	1,658.79	2,479.27	1,934.28	78.02
Perbelanjaan Pembangunan	640.00	1,140.00	1,046.84	91.83

3. PRESTASI KEWANGAN

Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri telah mencatatkan kurangan semasa sejumlah RM155.75 juta dalam Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. Ini menjadikan lebih terkumpul adalah sebanyak RM14.99 juta berbanding RM170.74 juta pada tahun 2021. Pengurangan lebih semasa yang amat ketara ini disebabkan jumlah perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM1,934.28 juta berbanding jumlah kutipan hasil sebanyak RM1,778.53 juta. Perbelanjaan ini adalah termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri sebanyak RM580.00 juta.

Kumpulan Wang Pembangunan Negeri telah mencatatkan peningkatan defisit semasa kepada RM400.43 juta berbanding defisit RM156.40 juta pada tahun 2021. Kumpulan Wang Bekalan Air (KWBA) telah mencatatkan kurangan semasa sebanyak RM15.38 juta pada tahun 2022 berbanding RM3.24 juta pada tahun 2021. Ringkasan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2022 dan 2021 adalah seperti di Jadual 2.

JADUAL 2: RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN 2022 DAN 2021

BUTIRAN	TAHUN 2022 (RM Juta)	TAHUN 2021 (RM Juta)
AKAUN HASIL DISATUKAN		
Hasil	1,778.53	1,592.72
Perbelanjaan Mengurus	1,934.28	1,625.35
Lebihan/(Kurangan) Akaun Hasil Disatukan	(155.75)	(32.62)
AKAUN AMANAH DISATUKAN		
AKAUN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN		
Terimaan	631.03	532.30
Perbelanjaan Pembangunan	1,031.46	688.70
Lebihan/(Kurangan) Akaun Pembangunan	(400.43)	(156.40)
AKAUN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR		
Terimaan	0.00	0.00
Perbelanjaan Bekalan Air	15.38	3.24
Lebihan/(Kurangan) Akaun Bekalan Air	(15.38)	(3.24)
LAIN LAIN AKAUN AMANAH		
Terimaan	5,967.90	6,350.34
Perbelanjaan	5,442.53	6,289.77
Lebihan/(Kurangan) Lain-Lain Akaun Amanah	525.37	60.57
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN		
Terimaan	0.00	0.00
Perbelanjaan	0.00	0.00
Lebihan/(Kurangan) Lain-Lain Akaun Pinjaman	0.00	0.00

4. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah Aset iaitu Wang Awam yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang digunakan oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan daripada lebihan dana dan akaun amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Jumlah aset di dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2022 telah menunjukkan pengurangan bagi Kumpulan Wang Disatukan kepada RM288.33 juta (13.81%) berbanding RM334.52 juta pada tahun 2021. Jadual 3 menunjukkan Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018 sehingga 2022.

JADUAL 3 : PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022

PERIHAL	2018 RM Juta	2019 RM Juta	2020 RM Juta	2021 RM Juta	2022 RM Juta
WANG AWAM					
Wang Tunai	94.48	187.56	466.20	234.52	128.33
Pelaburan	60.20	410.00	0.00	100.00	160.00
Jumlah Wang Awam	154.68	597.56	466.20	334.52	288.33
Dipegang bagi:					
KUMPULAN WANG DISATUKAN					
Akaun Hasil Disatukan	(2.61)	257.36	203.36	170.74	14.99
Akaun Amanah Disatukan	157.29	340.20	262.84	163.78	273.34
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah Kumpulan Wang Disatukan	154.68	597.56	466.20	334.52	288.33

5. WANG AWAM

Kedudukan Wang Awam Kerajaan Negeri telah menunjukkan baki berjumlah RM288.33 juta pada 31 Disember 2022 yang terdiri daripada Wang Tunai sebanyak RM128.33 juta dan Pelaburan sebanyak RM160.00 juta iaitu penurunan sebanyak RM46.19 juta (13.81%) berbanding RM334.52 juta pada tahun 2021.

Wang Tunai

Selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan, baki Wang Tunai dinyatakan dalam tiga kategori iaitu Wang Tunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Bank dan Wang Tunai Dalam Perjalanan. Pengurusan wang tunai yang efisien adalah penting untuk memastikan semua perbelanjaan dan komitmen Kerajaan Negeri dapat dibiayai dengan kedudukan wang tunai yang kukuh.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada Akaun Semasa dan Akaun Simpanan Tetap di Institusi Kewangan yang diluluskan bagi tempoh tiga (3) bulan dan ke bawah bagi memastikan lebihan wang menghasilkan pulangan serta mempunyai kecairan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan harian.

Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang telah dikenalpasti yang belum diambil kira dalam Buku Tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan, manakala Wang Tunai Dalam Tangan adalah merupakan baki Panjar Wang Runcit (PWR).

Baki Wang Tunai pada 31 Disember 2022 adalah RM128.33 juta iaitu menurun sebanyak RM106.19 juta (45.28%) berbanding RM234.52 juta tahun 2021. Ringkasan Kedudukan Wang Tunai Kerajaan Negeri bagi tahun 2022 dan 2021 adalah seperti di Jadual 4.

**JADUAL 4 : KEDUDUKAN WANG TUNAI KERAJAAN NEGERI BAGI
TAHUN 2022 DAN 2021**

PERIHAL	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Wang Tunai Dalam Tangan	0.11	0.11
Wang Tunai Dalam Bank	127.90	233.56
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.32	0.85
Jumlah Wang Tunai	128.33	234.52

Pelaburan


Jumlah pelaburan pada tahun 2022 telah meningkat sebanyak RM60.00 juta (60%) kepada RM160.00 juta berbanding RM100.00 juta pada tahun 2021. Pelaburan Kerajaan Negeri merupakan pelaburan dalam Skim Simpanan AI-Mudharabah dalam institusi kewangan tempatan untuk tempoh melebihi tiga (3) bulan hingga dua belas (12) bulan.

6. KUMPULAN WANG DISATUKAN

Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga (3) akaun utama iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan.

Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM288.33 juta yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan RM14.99 juta dan Akaun Amanah Disatukan RM273.34 juta. Jumlah ini telah menurun sebanyak RM46.19 juta (13.81%) berbanding RM334.52 juta pada tahun 2021. Tiada baki bagi Akaun Pinjaman Disatukan. Carta 1 menunjukkan pecahan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2018 hingga 2022.

CARTA 1 : KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022



AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri termasuk perbelanjaan Vot Tanggungan dan Bekalan bagi sesuatu tahun kewangan.

Kerajaan Negeri mengakhiri tahun 2022 dengan defisit semasa Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM155.75 juta berbanding defisit RM32.62 juta pada tahun sebelum. Peningkatan defisit semasa yang tinggi ini menjadikan Lebihan Terkumpul Akaun Hasil Disatukan menurun sebanyak 91.22% kepada RM14.99 juta berbanding RM170.74 juta pada tahun 2021.

Peningkatan defisit semasa ini disebabkan jumlah hasil sebanyak RM1,778.53 juta adalah lebih rendah berbanding perbelanjaan mengurus sebanyak RM1,934.28 juta termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri sebanyak RM580.00 juta.

Ringkasan Akaun Hasil Disatukan bagi tahun 2018 hingga 2022 seperti di Jadual 5.

JADUAL 5 : AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022

PERIHAL	2018 RM Juta	2019 RM Juta	2020 RM Juta	2021 RM Juta	2022 RM Juta
Hasil	1,792.52	2,560.96	1,633.46	1,592.72	1,778.53
Perbelanjaan Mengurus	1,872.76	2,300.99	1,687.47	1,625.35	1,934.28
Lebihan/(Kurangan) Semasa	(80.24)	259.97	(54.00)	(32.62)	(155.75)
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul	(2.61)	257.36	203.36	170.74	14.99


Hasil

Hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada tiga kategori utama iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil.

Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri mensasarkan anggaran hasil sebanyak RM1,507.00 juta. Jumlah hasil Kerajaan Negeri meningkat sebanyak RM271.53 juta (18.01%) kepada RM1,778.53 juta berbanding anggaran dan meningkat sebanyak RM186.15 juta (11.65%) berbanding hasil tahun 2021 yang berjumlah RM1,592.72 juta. Sebahagian besar peningkatan ini disebabkan jumlah Terimaan Bukan Hasil meningkat sebanyak RM109.06 juta (7.92%) kepada RM1,485.88 juta berbanding RM1,376.82 juta pada tahun sebelum.

Secara keseluruhan, terdapat peningkatan bagi semua kategori utama hasil bagi tahun 2022. Terimaan Bukan Hasil kekal sebagai penyumbang utama kepada jumlah hasil keseluruhan berjumlah RM1,485.88 juta (83.55%) dan diikuti oleh Hasil Bukan Cukai sebanyak RM217.38 juta (12.22%) serta Hasil Cukai sebanyak RM75.27 juta (4.23%). Carta 2 menunjukkan Pecahan Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2022.

CARTA 2 : HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2022




Hasil Cukai bagi tahun 2022 meningkat sebanyak RM7.45 juta (10.98%) kepada RM75.27 juta berbanding RM67.82 juta pada tahun 2021. Sumber utama Hasil Cukai adalah daripada Cukai Langsung iaitu Cukai Tanah yang berjumlah RM38.12 juta (50.64%) dan royalti pembalakan berjumlah RM34.22 juta (45.46%).

Hasil Bukan Cukai mencatat peningkatan pada tahun 2022 sebanyak RM69.29 juta (46.79%) daripada RM148.09 juta tahun 2021 kepada RM217.38 juta. Penyumbang utama kepada peningkatan hasil ini adalah 73.13 % daripada Premium Tanah yang berjumlah RM158.97 juta, diikuti oleh hasil dari Sewaan RM20.98 juta (9.65%), Faedah dan Perolehan dari Pelaburan RM12.96 juta (5.96%) dan Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit RM11.86 juta (5.46%).

Terimaan Bukan Hasil pada tahun 2022 adalah berjumlah RM1,485.88 juta berbanding RM1,376.82 juta pada tahun 2021 iaitu meningkat sebanyak RM109.06 juta (7.92%). Penyumbang utama Terimaan Bukan Hasil adalah Wang Ehsan/ Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM1,393.90 juta atau 93.81% daripada jumlah keseluruhan Terimaan Bukan Hasil. Carta 3 menunjukkan pecahan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018 hingga 2022.

CARTA 3 : HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022




Perbelanjaan Mengurus

Pada tahun 2022, anggaran dipinda Perbelanjaan Mengurus meningkat sebanyak RM821.57 juta (49.56%) kepada RM2,479.27 juta berbanding anggaran asal berjumlah RM1,657.70 juta. Prestasi Perbelanjaan Mengurus adalah 78.02% atau berjumlah RM1,934.28 juta (termasuk pindahan RM580.00 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan) berbanding anggaran dipinda. Jumlah perbelanjaan ini telah meningkat sebanyak 19.00% iaitu RM308.93 juta berbanding RM1,625.35 juta tahun 2021.

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan sebanyak RM84.27 juta (4.36%) dan Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM1,850.01 juta (95.64%) termasuk RM580.00 juta caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Perbelanjaan Tanggungan pada tahun 2022 meningkat sebanyak RM19.33 juta (29.77%) berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM64.94 juta. Peningkatan ini disebabkan pertambahan perbelanjaan Bayaran Perintah Mahkamah berjumlah RM17.90 juta berbanding RM0.50 juta pada tahun sebelum.

Perbelanjaan Bekalan meningkat sebanyak RM290.38 juta (18.60%) berbanding RM1,560.41 juta tahun 2021 dimana sejumlah RM90.00 juta merupakan pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan, RM90.55 juta pelbagai perbelanjaan bantuan am, RM76.20 juta caruman kepada badan berkanun-pemberian mengurus dan RM31.05 juta adalah lain-lain perbelanjaan. Carta 4 menunjukkan pecahan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Tahun 2022.

CARTA 4 : PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI TAHUN 2022



Emolumen pada tahun 2022 menurun sebanyak RM1.79 juta kepada RM265.94 juta berbanding RM267.73 juta pada tahun 2021.

Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM227.21 juta adalah meningkat sebanyak 27.03% iaitu RM48.34 juta daripada tahun sebelum yang berjumlah RM178.87 juta.

Aset telah mencatatkan penurunan sebanyak RM3.83 juta kepada RM10.24 juta berbanding RM14.07 juta pada tahun 2021.

Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (termasuk RM580.00 juta pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan) meningkat kepada RM1,429.17 juta berbanding RM1,161.30 juta pada tahun sebelum, iaitu peningkatan sebanyak RM267.87 juta (23.07%).

Perbelanjaan lain adalah sebanyak RM1.70 juta iaitu berkurang sebanyak RM1.67 juta berbanding RM3.37 juta pada tahun 2021.

Jadual 6 menunjukkan pecahan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2018 hingga 2022.

JADUAL 6 : PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022

PERIHAL	2018 RM Juta	2019 RM Juta	2020 RM Juta	2021 RM Juta	2022 RM Juta
Emolumen	272.48	262.86	259.52	267.73	265.94
Perkhidmatan Dan Bekalan	180.09	184.58	183.54	178.87	227.23
Aset	7.50	11.01	12.06	14.07	10.24
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,412.53	1,161.30	1,231.08	1,161.30	1,429.17
Perbelanjaan Lain	0.15	1.24	1.27	3.37	1.70
JUMLAH	1,872.76	2,300.99	1,687.47	1,625.35	1,934.28

AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah untuk mengakaunkan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan juga mengakaunkan pindahan terimaan pinjaman tersebut kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air.

Pinjaman Dalam Negeri

Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan. Pinjaman ini adalah untuk membiayai projek-projek Rancangan Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Projek Pembangunan Dalam Negeri, Pembangunan Hutan dan untuk dipinjamkan semula kepada Badan-Badan Berkanun Negeri seperti Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) untuk melaksanakan projek-projek.

Kerajaan Negeri tidak mendapat pinjaman baharu daripada Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2014. Baki Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2022 adalah berbaki sifar.

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Baki Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM273.34 juta yang terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan RM8.95 juta, Kumpulan Wang Amanah Awam RM118.51 juta dan Akaun Deposit RM145.89 juta. Baki ini mencatatkan peningkatan sebanyak 66.90% iaitu RM109.56 juta berbanding RM163.78 juta pada tahun 2021. Jadual 7 menunjukkan pecahan Akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2018 hingga 2022.

JADUAL 7 : AKAUN AMANAH DISATUKAN BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022

PERIHAL	2018	2019	2020	2021	2022
	RM Juta				
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	(215.47)	(14.15)	(19.76)	(126.59)	8.95
- Kumpulan Wang Pembangunan	(677.25)	(431.57)	(516.38)	(672.77)	(1,073.21)
- Kumpulan Wang Bekalan Air	70.09	69.22	68.41	65.17	49.79
- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	391.69	348.20	428.21	481.01	1,032.37
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	128.70	143.25	91.80	104.98	118.50
AKAUN DEPOSIT	244.05	211.10	190.81	185.40	145.89
JUMLAH	157.29	340.20	262.84	163.78	273.34

KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengaikaunkan terimaan daripada peruntukan kerajaan dan sumbangan awam serta bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Amanah Kerajaan.

Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2022 telah meningkat kepada RM8.95 juta berbanding defisit RM126.59 juta pada tahun 2021.


Kumpulan Wang Pembangunan (KWP)

Kumpulan Wang Pembangunan adalah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406) bagi tujuan pembangunan ekonomi negara.

Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2022 telah mencatatkan pembayaran sebanyak RM1,031.46 juta iaitu melebihi jumlah penerimaan yang berjumlah RM631.03 juta. Penerimaan bagi akaun ini terdiri daripada Pindahan Lebihan Akaun Hasil Disatukan RM580.00 juta, Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup berjumlah RM27.74 juta, Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II RM10.91 juta, Pelaksanaan Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT) RM6.90 juta serta Bayaran Balik Pinjaman Daripada Agensi Kerajaan berjumlah RM5.49 juta. Jumlah perbelanjaan yang lebih tinggi berbanding jumlah penerimaan telah menyebabkan akaun ini mencatatkan defisit semasa sebanyak RM400.43 juta dan menjadikan jumlah defisit keseluruhan RM1,073.21 juta.

Anggaran dipinda Perbelanjaan Pembangunan telah meningkat sebanyak RM540.00 juta kepada RM1,140.00 juta berbanding anggaran asal berjumlah RM600.00 juta. Tujuan utama tambahan peruntukan ini adalah untuk membuat bayaran penyelesaian awal (*full settlement*) kerja-kerja membaikpulih dan menaiktaraf Loji Rawatan Air Bukit Sah, Kemaman, Terengganu. Carta 5 menunjukkan pecahan penyata Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018 hingga 2022.

CARTA 5 : KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022



Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang Bekalan Air (KWBA) pada tahun 2022 tidak mencatatkan terimaan. Anggaran perbelanjaan Bekalan Air adalah berjumlah RM1.09 juta untuk Belanja Mengurus dan RM40.00 juta untuk Belanja Pembangunan. Kerajaan Negeri telah meluluskan Perbelanjaan Tambahan bagi menggunakan Peruntukan Mengurus Negeri sebanyak RM1.09 juta untuk membiayai perbelanjaan mengurus Jabatan Bekalan Air disebabkan kekangan Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS).

Baki KWBA pada tahun 2022 mengalami kurangan sebanyak RM15.38 juta yang digunakan bagi membiayai Perbelanjaan Pembangunan ini menjadikan baki KWBA berkurang kepada RM49.79 juta berbanding RM65.17 juta pada tahun sebelum.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Akaun Perniagaan, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) melalui resolusi Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang ini adalah bagi membolehkan kerajaan menyalurkan peruntukan ke satu tabung untuk maksud tertentu. Sebahagian daripada Kumpulan Wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan secara keseluruhannya telah mencatatkan peningkatan baki sebanyak 115.04% iaitu RM551.35 juta kepada RM1,032.36 juta berbanding RM481.01 juta pada tahun 2021. Sebahagian besar peningkatan ini disebabkan pertambahan baki Akaun Penyelesaian kepada RM500.00 juta, pertambahan baki Kumpulan Wang Amanah Tabung Perumahan Mampu Milik Negeri Terengganu kepada RM44.38 juta berbanding RM18.99 juta, Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana Malapetaka kepada RM28.60 juta berbanding RM10.44 juta dan Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Elaun JKKK kepada RM14.61 juta berbanding RM2.85 juta pada tahun 2021.

Akaun Penyelesaian bagi Perdahuluan Persekutuan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM500.00 juta dan pembayaran akan dibuat mulai tahun 2023. Kerajaan Negeri telah memohon Pendahuluan Persekutuan sebanyak RM500.00 juta yang diakaunkan ke Akaun Amanah Penyelesaian (Kumpulan Wang Amanah Kerajaan) bagi menampung perbelanjaan mengurus. Ini disebabkan Kerajaan Negeri telah meluluskan Tambahan Peruntukan Bekalan Tahun 2022 sebanyak RM820.48 juta dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri dan ini menjadikan jumlah perbelanjaan mengurus disemak adalah sebanyak RM2,479.27 juta berbanding anggaran asal berjumlah RM1,658.79 juta.

Sebahagian besar tujuan tambahan peruntukan ini adalah untuk membuat penyelesaian awal (*full settlement*) bagi kerja-kerja membaikpulih dan menaiktaraf Loji Rawatan Air Bukit Sah, Kemaman, Terengganu yang melibatkan tambahan perbelanjaan sebanyak RM409.33 juta. Komitmen perbelanjaan pembangunan ini menyebabkan hasil semasa dan hasil terkumpul Kerajaan Negeri tidak mampu untuk membiayai baki perbelanjaan mengurus pada tahun ini.

KUMPULAN WANG AMANAH AWAM

Kumpulan Wang Amanah Awam ini adalah terdiri daripada kumpulan wang amanah yang ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) untuk maksud-maksud tertentu tetapi tidak bercorak kumpulan wang pusingan.

Akaun ini bertujuan untuk mengakaunkan wang amanah yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan amanah khas bagi mengakaunkan wang diterima bagi maksud tertentu. Sumbangan atau caruman wang ini boleh diterima daripada orang perseorangan, Kerajaan Negara Luar dan atau badan antarabangsa atau tempatan yang tidak dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia.

Pada 31 Disember 2022, baki keseluruhan Kumpulan Wang ini berjumlah RM118.50 juta, meningkat sebanyak RM13.52 juta (12.89%) berbanding RM104.98 juta tahun sebelum. Peningkatan ini merupakan baki Akaun Amanah Pembangunan Infrastruktur sebanyak RM13.49 juta yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2022.

AKAUN DEPOSIT

Wang Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah dicapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Pada 31 Disember 2022, Baki terkumpul Akaun Deposit adalah sebanyak RM145.89 juta, menurun sebanyak RM39.51 juta (21.31%) berbanding RM185.40 juta pada 2021. Pada tahun 2022, terimaan Akaun Deposit ini termasuk pelarasan adalah berjumlah RM109.39 juta manakala pembayarannya pula berjumlah RM148.90 juta.

7. PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan keluar wang tunai Kerajaan Negeri bagi tempoh berakhir 31 Disember 2022. Jumlah wang tunai pada tahun 2022 mencatatkan penurunan sebanyak RM106.19 juta kepada RM128.33 juta berbanding RM234.52 juta pada tahun 2021.

8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Akaun Memorandum ialah akaun yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan Negeri. Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Akaun Belum Terima manakala Liabiliti adalah Hutang Awam (Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan).

ASET

PINJAMAN BOLEH DITUNTUT

Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM151.89 juta iaitu berkurangan sebanyak RM5.49 juta berbanding tahun sebelum sebanyak RM157.38 juta. Baki Pinjaman Boleh Dituntut ini adalah merangkumi baki pinjaman pokok yang diberikan kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) sebanyak RM39.89 juta dan Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) sebanyak RM112.00 juta.

Kerajaan Negeri bersetuju untuk menghapuskan faedah ke atas pinjaman termasuk tunggakan faedah bermula tahun 2019 kepada TISB sebanyak RM52.94 juta dan bermula tahun 2021 kepada PMINT sebanyak RM12.47 juta.

Pada tahun 2022, PMINT telah membuat bayaran balik sebanyak RM3.99 juta dan ini menjadikan jumlah tunggakan adalah sebanyak RM0.99 juta. TISB telah membuat pembayaran sebanyak RM1.50 juta dan tunggakan bayaran balik pula adalah RM5.18 juta.

AKAUN BELUM TERIMA

Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2022 telah mencatatkan peningkatan sebanyak RM4.81 juta kepada RM49.07 juta berbanding RM44.26 juta tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dan Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) tidak membuat bayaran penuh bagi Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2022. Secara keseluruhan, hampir kesemua Pejabat Tanah tidak menunjukkan pengurangan dalam menyelesaikan tunggakan hasil.


LIABILITI

HUTANG AWAM

Hutang Awam Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2022 menunjukkan baki pokok berjumlah RM252.42 juta iaitu pengurangan sebanyak RM13.70 juta (6.00%) berbanding RM266.12 juta pada tahun 2021. Baki ini adalah pinjaman bagi membiayai projek Kerajaan Negeri yang terdiri daripada projek Rancangan Bekalan Air sebanyak RM222.02 juta dan projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) sebanyak RM30.40 juta.

Bayaran balik pinjaman dalam tahun 2022 adalah sebanyak RM15.04 juta iaitu RM4.68 juta bagi Rancangan Bekalan Air dan RM10.36 juta bagi PAKR yang melibatkan bayaran balik pokok sebanyak RM9.01 juta serta faedah RM1.35 juta. Carta 6 menunjukkan Kedudukan Hutang Awam bagi tahun 2018 hingga 2022.

CARTA 6 : KEDUDUKAN HUTANG AWAM BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022



9. PENUTUP

Kedudukan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2022 secara keseluruhan menunjukkan prestasi yang baik selaras dengan perkembangan positif ekonomi global yang beralih ke fasa endemik. Hasil Kerajaan Negeri meningkat sebanyak RM185.81 juta (11.67%) kepada RM1,778.53 juta berbanding hasil tahun 2021 yang berjumlah RM1,592.72 juta, selaras dengan peningkatan harga minyak mentah *Brent* dunia dimana jumlah penerimaan Wang Ehsan/ Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP) sebanyak RM1,393.90 juta adalah melebihi anggaran iaitu RM1,166.67 juta.

Walaupun peningkatan hasil ini sepatutnya boleh membantu meningkatkan baki Akaun Hasil Disatukan, namun Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan tambahan bagi membantu menggerakkan ekonomi negeri dalam usaha untuk mempercepatkan fasa pemulihan ekonomi negeri. Ini menjadikan anggaran peruntukan dipinda meningkat kepada RM2,479.27 juta berbanding anggaran asal berjumlah RM1,657.70 juta. Prestasi Perbelanjaan Mengurus adalah 78.02% atau berjumlah RM1,934.28 juta (termasuk pindahan RM580.00 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan) iaitu meningkat sebanyak RM308.93 juta berbanding RM1,625.35 juta tahun 2021. Kerajaan negeri masih meneruskan usaha untuk mempelbagaikan sumber asas hasil bagi meningkatkan hasil negeri dan mengurangkan kebergantungan kepada Wang Ehsan/ DKKP.



**PENYATA
KEWANGAN**

NEGERI TERENGGANU

2022

**PERNYATAAN PEGAWAI
KEWANGAN NEGERI DAN
BENDAHARI NEGERI
TERENGGANU**

PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI TERENGGANU

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab di bawah Kerajaan Negeri Terengganu.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2022.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2022.



DATO' HAJIROZALI BIN SALLEH
Pegawai Kewangan Negeri Terengganu
30 Mac 2023



HAJAH MARZIALINA BINTI MOHAMED
Bendahari Negeri Terengganu
30 Mac 2023

the following information is provided for your information. The information is provided for your information and is not intended to be used as a substitute for professional advice. The information is provided for your information and is not intended to be used as a substitute for professional advice.

The information is provided for your information and is not intended to be used as a substitute for professional advice. The information is provided for your information and is not intended to be used as a substitute for professional advice.

The information is provided for your information and is not intended to be used as a substitute for professional advice. The information is provided for your information and is not intended to be used as a substitute for professional advice.

The information is provided for your information and is not intended to be used as a substitute for professional advice. The information is provided for your information and is not intended to be used as a substitute for professional advice.

100



PENYATA KEWANGAN

NEGERI TERENGGANU

2022

PENYATA KEWANGAN NEGERI



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2022

		<u>2022</u>	<u>2021</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	128,327,341.18	234,517,287.76
PELABURAN	4	160,000,000.00	100,000,000
		<hr/>	<hr/>
		288,327,341.18	334,517,287.76
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	14,987,932.99	170,736,299.28
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	273,339,408.19	163,780,988.48
		<hr/>	<hr/>
		288,327,341.18	334,517,287.76

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

		<u>2022</u>		<u>2021</u>	
	<u>Nota</u>	RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil					
Hasil Cukai		75,273,987.87		67,823,512.67	
Hasil Bukan Cukai		217,378,044.81		148,085,456.07	
Terimaan Bukan Hasil		<u>1,485,878,085.42</u>		<u>1,376,815,647.07</u>	
			1,778,530,118.10		1,592,724,615.81
Pinjaman					
	6				
Pinjaman Dalam Negeri		0.00		0.00	
Pinjaman Luar Negeri		<u>0.00</u>		<u>0.00</u>	
			0.00		0.00
Terimaan Modal					
Jualan Instrumen Kewangan		200,000,000.00		-	
Pelbagai Terimaan Modal		<u>0.00</u>		<u>-</u>	
			200,000,000.00		-
Terimaan Lain					
	7				
Terimaan Amanah		<u>6,922,378,236.90</u>		<u>13,068,343,162.15</u>	
			6,922,378,236.90		13,068,343,162.15
Jumlah Terimaan			<u>8,900,908,355.00</u>		<u>14,661,067,777.96</u>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)

bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

	<u>Nota</u>	<u>2022</u>		<u>2021</u>	
		RM	RM	RM	RM
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus					
Emolumen		265,940,121.24		267,726,562.31	
Perkhidmatan dan Bekalan		227,230,252.87		178,873,889.01	
Aset		10,243,403.61		14,073,573.54	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		849,166,325.79		671,298,348.09	
Perbelanjaan Lain		<u>1,698,380.88</u>		<u>3,373,979.05</u>	
			1,354,278,484.39		1,135,346,352.00
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		1,046,839,812.45		691,937,519.90	
Pinjaman		<u>0.00</u>		<u>0.00</u>	
			1,046,839,812.45		691,937,519.90
Perbelanjaan Modal					
Pelbagai Perbelanjaan Modal		0.00		0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>260,000,000.00</u>		<u>100,000,000.00</u>	
			260,000,000.00		100,000,000.00
Bayaran Balik Pinjaman					
Pinjaman Dalam Negeri		0.00		0.00	
Pinjaman Kepada Agensi / Pindahan Kepada Akaun Amanah		<u>0.00</u>		<u>0.00</u>	
			0.00		0.00
Bayaran Lain					
Bayaran Amanah		<u>6,345,980,004.74</u>		<u>12,965,464,371.44</u>	
			6,345,980,004.74		12,965,464,371.44
Jumlah Bayaran			9,007,098,301.58		14,892,748,243.34
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			(106,189,946.58)		(231,680,465.38)
Wang Tunai Pada 1 Januari			<u>234,517,287.76</u>		<u>466,197,753.14</u>
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			<u>128,327,341.18</u>		<u>234,517,287.76</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

		<u>2022</u>		<u>2021</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
HASIL	5	1,507,000,000.00	1,778,530,118.10	1,592,724,615.81
<u>Tolak:</u>				
Belanja Mengurus	5	2,479,269,392.20	1,354,278,484.39	1,135,346,352.00
LEBIHAN HASIL		(972,269,392.20)	424,251,633.71	457,378,263.81
<u>Tolak:</u>				
Belanja Pembangunan	7	1,140,000,000.00	1,046,839,812.45	691,937,519.90
(KURANGAN)/LEBIHAN KESELURUHAN		(2,112,269,392.20)	(622,588,178.74)	(234,559,256.09)
(KURANGAN DIBIAYAI OLEH) / LEBIHAN DISOKONG OLEH:				
Pinjaman	6		0.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		51,026,847.95	42,304,678.85
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	3,4,7		571,561,330.79	192,254,577.24
JUMLAH PEMBIAYAAN			622,588,178.74	234,559,256.09

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota:

Belanja Mengurus Sebenar adalah termasuk Bayaran Balik Pinjaman Dalam Negeri tetapi tidak termasuk Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

pada 31 Disember 2022

		<u>2022</u>	<u>2021</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		151,890,947.32	157,383,026.27
Pelaburan		0.00	0.00
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Awam			
Pinjaman		0.00	3,173,940.35
Projek / Rancangan Bekalan Air		222,026,763.40	226,709,417.65
Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)		30,601,015.89	36,476,185.82
JUMLAH HUTANG AWAM		252,627,779.29	266,359,543.82

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM).
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Persembahan Penyata Kewangan dan Nota yang disertakan bagi tahun 2011 dan seterusnya telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan yang kurang dari 3 bulan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2021 <i>RM</i>	2020 <i>RM</i>
Wang Tunai Dalam Bank	127,896,250.52	233,558,213.96
Wang Tunai Dalam Perjalanan	324,690.66	852,673.80
Wang Tunai Dalam Tangan	106,400.00	106,400.00
JUMLAH WANG TUNAI	128,327,341.18	234,517,287.76

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan.

Dalam tahun 2022, sejumlah RM160.00 juta telah pun dilaburkan sebagai pelaburan yang melebihi tempoh 3 bulan yang mana semuanya terdiri daripada Pelaburan Am.

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusan niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Lebihan hasil tahun semasa sebanyak RM580.00 juta telah pun dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2022			2021	
	<i>Anggaran</i> RM	<i>Sebenar</i> RM	%	<i>Sebenar</i> RM	%
<i>BAKI PADA 1 JANUARI</i>		170,736,299.28		203,358,035.47	

HASIL

Hasil Cukai	61,025,101.00	75,273,987.87	123.35	67,823,512.67	115.83
Hasil Bukan Cukai	157,497,275.65	217,378,044.81	138.02	148,085,456.07	113.35
Terimaan Bukan Hasil	1,288,477,623.35	1,485,878,085.42	115.32	1,376,815,647.07	129.79
<i>Jumlah Hasil</i>	1,507,000,000.00	1,778,530,118.10	118.02	1,592,724,615.81	127.42

PERBELANJAAN MENGURUS

Emolumen	276,013,929.28	265,940,121.24	96.35	267,726,562.31	93.35
Perkhidmatan dan Bekalan	253,614,539.90	227,230,252.87	89.60	178,873,889.01	87.26
Aset	16,392,709.60	10,243,403.61	62.49	14,073,573.54	90.16
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,030,723,063.42	849,166,325.79	82.39	671,298,348.09	92.19
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	2,525,150.00	1,698,380.88	67.26	3,373,979.05	87.78
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</i>	1,579,269,392.20	1,354,278,484.39	85.75	1,135,346,352.00	91.60
<i>Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan</i>	900,000,000.00	580,000,000.00	64.44	490,000,000.00	100.00
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	2,479,269,392.20	1,934,278,484.39	78.02	1,625,346,352.00	93.98
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>	(972,269,392.20)	(155,748,366.29)		(32,621,736.19)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		<u>14,987,932.99</u>		<u>170,736,299.28</u>	

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Selaras dengan Seksyen 111B Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022				2021	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	%	RM	%
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	35,835,000.00	35,835,000.00	38,124,955.79	106.39	37,653,491.66	111.50
Cukai Galian	600,000.00	600,000.00	861,957.00	143.66	624,662.95	178.48
Cukai Parit Dan Tali air	28,508.00	28,508.00	15,602.20	54.73	12,656.40	83.22
Cukai Hasil Hutan	0.00	0.00	2,399.80	0.00	407.00	0.00
Royalti	23,607,593.00	23,607,593.00	34,215,061.89	144.93	29,504,396.66	125.72
Levi	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Langsung Yang Lain	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Hiburan	954,000.00	954,000.00	2,054,011.19	215.31	27,898.00	2.93
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Pelancongan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah Hasil Cukai	61,025,101.00	61,025,101.00	75,273,987.87	123.35	67,823,512.67	115.83
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	10,241,980.00	10,241,980.00	11,862,137.59	115.82	8,742,187.21	120.04
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	7,620,700.00	7,620,700.00	5,155,880.56	67.66	4,335,194.04	88.37
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	107,173,970.00	107,173,970.00	158,965,507.59	148.32	95,901,288.24	151.49
Sewaan	20,958,505.65	20,958,505.65	20,980,429.88	100.10	21,003,793.31	99.31
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	5,000,000.00	5,000,000.00	12,960,348.98	259.21	13,625,432.85	47.16
Denda dan Hukuman	6,502,120.00	6,502,120.00	7,453,740.21	114.64	4,477,560.42	87.59
Jumlah Hasil Bukan Cukai	157,497,275.65	157,497,275.65	217,378,044.81	138.02	148,085,456.07	113.35
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	1,963,788.00	1,963,788.00	6,172,465.19	314.31	4,777,329.91	218.86
Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan	1,286,513,835.35	1,286,513,835.35	1,479,221,968.38	114.98	1,371,621,557.54	129.57
Keuntungan Atas Jualan/ Pelupusan Aset	0.00	0.00	41,400.00	0.00	6,765.30	0.00
Sumbangan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Lain-Lain Terimaan	0.00	0.00	387,946.35	0.00	359,055.82	0.00
Keuntungan dari Perubahan Nilai Aset	0.00	0.00	54,305.50	0.00	50,938.50	0.00
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	1,288,477,623.35	1,288,477,623.35	1,485,878,085.42	115.32	1,376,815,647.07	129.79
JUMLAH HASIL	1,507,000,000.00	1,507,000,000.00	1,778,530,118.10	118.02	1,592,724,615.81	127.42

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	2022		<i>Sebenar</i> RM	%
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM		
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T01 Pengelola Istana	38,518,417.51	38,518,417.51	38,456,400.52	99.84
T02 Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	10.00	10.00	0.00	0.00
T03 Dewan Undangan Negeri	398,020.00	398,020.00	386,003.00	96.98
T04 Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	53,352,743.37	53,352,743.37	44,845,905.76	84.06
T05 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	722,750.00	722,750.00	578,010.90	79.97
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	92,991,940.88	92,991,940.88	84,266,320.18	90.62
PERBELANJAAN BEKALAN				
B01 Pejabat K.D.Y.M.M. Sultan Terengganu	0.00	0.00	0.00	0.00
B02 Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	57,956,581.59	57,956,581.59	54,872,187.67	94.68
B03 Dewan Undangan Negeri	16,186,359.22	16,186,359.22	15,842,327.36	97.87
B04 Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	761,365,982.83	1,581,365,982.83	1,092,214,005.70	69.07
B05 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	919,639.98	919,639.98	878,106.41	95.48
B07 Pejabat Mineral Dan Geosains	212,992.20	212,992.20	149,628.52	70.25
B08 Jabatan Hal Ehwal Agama	113,753,714.08	113,753,714.08	101,465,370.44	89.20
B09 Jabatan Kebajikan Masyarakat	60,537,069.05	60,537,069.05	57,884,269.70	95.62
B10 Jabatan Kerja Raya	50,201,117.59	50,201,117.59	48,575,998.04	96.76
B11 Jabatan Pengairan Dan Saliran	17,900,452.35	17,900,452.35	16,635,328.59	92.93
B12 Pejabat Daerah Besut	14,171,158.27	14,630,369.11	13,651,273.76	93.31
B13 Pejabat Daerah Dungun	9,758,294.79	9,758,294.79	9,608,950.98	98.47
B14 Pejabat Daerah Hulu Terengganu	11,688,449.21	11,688,449.21	10,972,395.13	93.87
B15 Pejabat Daerah Kemaman	11,093,667.82	11,093,667.82	10,855,661.21	97.85
B16 Pejabat Daerah Kuala Terengganu	15,391,468.31	15,391,468.31	15,027,625.47	97.64
B17 Pejabat Daerah Marang	9,522,924.08	9,522,924.08	9,441,557.30	99.15
B18 Pejabat Daerah Setiu	8,162,076.79	8,162,076.79	7,747,999.02	94.93
B19 Pejabat Tanah Dan Galian	7,837,859.56	7,837,859.56	7,607,172.46	97.06
B20 Pejabat Tanah Besut	5,114,610.29	5,134,260.29	4,848,296.77	94.43
B21 Pejabat Tanah Dungun	4,726,843.42	4,726,843.42	4,642,770.24	98.22
B22 Pejabat Tanah Hulu Terengganu	4,567,929.83	4,567,929.83	4,415,508.04	96.66
B23 Pejabat Tanah Kemaman	5,543,344.95	5,543,344.95	5,463,467.86	98.56

B24 Pejabat Tanah Kuala Terengganu	5,121,132.67	5,121,132.67	5,008,299.87	97.80
B25 Pejabat Tanah Marang	4,110,004.55	4,110,004.55	4,082,011.97	99.32
B26 Pejabat Tanah Setiu	4,539,738.81	4,539,738.81	4,506,746.30	99.27
B27 Jabatan Kehakiman Syariah	9,498,547.85	9,498,547.85	9,217,213.04	97.04
B28 Pejabat Perancang Bandar & Desa	3,655,219.52	3,655,219.52	3,389,109.48	92.72
B29 Jabatan Perhutanan Negeri	24,040,841.18	24,040,841.18	22,496,418.64	93.58
B30 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	9,447,797.65	9,447,797.65	9,072,289.99	96.03
B31 Jabatan Pertanian	16,751,955.36	16,751,955.36	16,136,349.76	96.33
B32 Pelbagai Perkhidmatan	270,000,000.00	270,000,000.00	254,623,096.56	94.30
B33 Jabatan Bekalan Air	1,090,531.36	1,090,531.36	892,780.61	81.87
B34 Pejabat Mufti Negeri	2,037,714.46	2,037,714.46	2,036,464.51	99.94
B35 Pejabat Daerah Kuala Nerus	22,652,185.87	22,652,185.87	19,609,419.44	86.57
B36 Pejabat Tanah Kuala Nerus	4,012,060.43	4,012,060.43	3,971,432.78	98.99
B37 Jabatan Pendakwa Syariah Negeri Terengganu	2,228,324.56	2,228,324.56	2,170,630.59	97.41
<i>Jumlah Perbelanjaan Bekalan*</i>	1,565,798,590.48	2,386,277,451.32	1,850,012,164.21	77.53
PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum caruman)	1,258,790,531.36	1,439,269,392.20	1,354,278,484.39	94.09
CARUMAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	400,000,000.00	1,040,000,000.00	580,000,000.00	55.77
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas caruman)	1,658,790,531.36	2,479,269,392.20	1,934,278,484.39	78.02

*Nota: Jumlah Perbelanjaan Bekalan adalah termasuk Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang Persekutuan. Pinjaman ini terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri.

Semua baki Pinjaman dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun.

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	2022	2021
	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM
PINJAMAN		
Dalam Negeri		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	0.00	0.00
Bayaran	0.00	0.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
<i>Jumlah Pinjaman pada 31 Disember</i>	0.00	0.00

Tiada pinjaman yang diterima dalam tahun kewangan 2022.

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Perihal	<i>Baki pada 01.01.2022 (Debit)/Kredit</i>	<i>Debit</i>	<i>Kredit</i>	<i>Baki pada 31.12.2022 (Debit)/Kredit</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	(672,773,223.45)	1,031,459,589.99	631,026,847.95	(1,073,205,965.49)
